

30 OCT 1997

G15-perubatan

PASUKAN PERUBATAN G15 SUDAH SEDIA

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Pasukan perubatan ke sidang kemuncak Kumpulan 15 negara membangun (G15) sudahpun bersedia sedia bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada ketua-ketua kerajaan dan anggota rombongan mereka sehingga mesyuarat itu tamat 5 Nov ini.

Pasukan dari Hospital Kuala Lumpur itu mengandungi seorang pakar bedah, seorang doktor, seorang pembantu perubatan dan seorang jururawat beroperasi dari hotel Palace of the Golden Horses, tempat mesyuarat berlangsung.

"Kami juga mempunyai satu pasukan bergerak untuk membawa pesakit ke hospital, jika perlu," kata Matzalan Ujang, pegawai perhubungan perkhidmatan kesihatan di Kementerian Kesihatan kepada Bernama.

Untuk ketua-ketua kerajaan dan pasangan mereka, pasukan itu menyediakan perkhidmatan kesihatan di bilik manakala anggota delegasi mereka diberi rawatan di stesen perubatan di hotel, kecuali dalam kes kecemasan.

Matzalan berkata Hospital Kuala Lumpur yang sering menyediakan perkhidmatan kesihatan bagi acara-acara antarabangsa telah mengumpul maklumat mengenai latar belakang kesihatan setiap pemimpin negara yang akan menghadiri mesyuarat di sini.

"Maklumat ini memudahkan tugas kami untuk menyediakan rawatan," katanya.

Beberapa hari lepas, pasukan itu mengadakan latihan bagi menentukan masa yang diperlukan bagi menstabilkan seseorang pesakit dalam kes kecemasan dan masa diperlukan untuk menghantarnya ke hospital terutama jika berlaku kesesakan lalulintas.

Matzalan berkata stesen perubatan di hotel itu dilengkapi dengan beberapa peralatan untuk mengendalikan kes-kes pembedahan kecil.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan sidang kemuncak itu Isnin ini.-- BERNAMA

NI MAI